

PERSEPSI PELAJAR UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA TERHADAP KONSEP ISLAM HADHARI

Ajmain Bin Safar & Erzawani Binti Jamaludin
Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak: Kajian yang berbentuk deskriptif ini bertujuan untuk melihat persepsi pelajar Universiti Teknologi Malaysia terhadap konsep Islam Hadhari. Fokus kajian ini adalah untuk melihat sejauh mana pengetahuan, kefahaman dan penerimaan pelajar terhadap konsep Islam Hadhari. Sampel kajian adalah seramai 135 orang responden yang terdiri daripada pelajar-pelajar Ijazah Sarjana Muda Sains serta Pendidikan (Pengajian Islam) dari tahun satu hingga tahun empat. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini berbentuk soal selidik yang mengandungi lima soalan berkaitan latar belakang responden dan 32 item soalan berkaitan persoalan kajian. Nilai kebolehpercayaan alat kajian adalah $\alpha = 0.862$. Data yang diperolehi menerusi kajian ini dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package For Social Science (SPSS) for Windows* versi 14.0 bagi mendapat kekerapan, peratusan dan min. Hasil kajian menunjukkan bahawa kebanyakan responden memberikan persepsi yang positif terhadap pengetahuan konsep Islam Hadhari dan negatif terhadap kefahaman dan penerimaan konsep Islam Hadhari. Beberapa cadangan turut dikemukakan kepada beberapa pihak tertentu untuk diambil perhatian. Diharap kajian ini dapat memberi manfaat kepada semua pihak untuk lebih memahami konsep ini.

Abstract: The descriptive research aims to look at students of University Technology Malaysia's perception towards the concept of Islam Hadhari. The focus of this research is to investigate student's perceptions towards the knowledge, understanding and acceptability of Islam Hadhari concepts. The respondents involve were 135 students of Science in Education (Islamic Studies) from year one until year four. The instrument used was a set of questionnaire, which contained five items related to the respondent's background information and consisting 32 items focusing on the area of the research. The value of the research instrument's reliability was $\alpha = 0.862$. The data obtained was analyzed using the Statistical Package for Social Science (SPSS) For Windows version 14.0 software in order to find out the mod, percentage and the mean. The findings showed that most of the respondents had positive perception toward knowledge the concept of Islam Hadhari and negative perception towards the understanding and acceptability the concept of Islam Hadhari. Several suggestions were given to certain individuals and organizations for them to take further actions. It is hoped that this study would be beneficial to all in understanding the concept of Islam Hadhari.

Katakunci: konsep Islam Hadhari, persepsi pelajar

Pengenalan

Dalam negara meniti kemerdekaan yang ke-50 tahun, maka menjadi Negara yang maju dan moden menjadi matlamat negara. Kemerdekaan yang dinikmati seharusnya menjadi pendorong kepada rakyat di negara ini untuk memastikan Negara terus berada dalam keamanan dan jauh daripada kuasa luar yang akan merosakkan kemerdekaan negara. Segala pertahanan dan strategi perlu disusun dengan baik termasuklah menjadikan Malaysia sebuah negara Islam yang disegani di seluruh dunia.

Pernyataan Masalah

Berdasarkan latar belakang masalah yang dikemukakan adalah sesuai membuat kajian dengan lebih terperinci kerana pemahaman dan penerimaan yang baik dalam masyarakat akan membawa kepada

pembangunan masyarakat dan Negara Islam yang maju. Melalui kajian ini, pihak yang bertanggungjawab dapat mengambil kira faktor ketidakfahaman masyarakat dan seterusnya mengambil langkah yang bijak sekiranya terdapat kecelaruan dalam memahami konsep Islam Hadhari.

Selain itu, terdapat segelintir masyarakat di Malaysia kurang memahami konsep Islam Hadhari yang diperkenalkan oleh pemerintah. Salah faham atau kekeliruan terhadap konsep ini akan menjadi penghalang utama untuk merealisasikan hasrat tersebut. Penerangan yang jelas dan menyeluruh perlu dilakukan kepada seluruh rakyat di negara ini tanpa mengira agama dan bangsa. Menurut pandangan Abdul Hadi Awang (2005), konsep Islam Hadhari adalah hasil daripada pemikiran orientalis untuk mengelirukan ummah dari kefahaman Islam yang sebenar. Ia boleh dikira mewujudkan Islam dalam bentuk baru dengan hanya menggunakan perkataan Islam dan beramal dengan sebahagian yang lain.

Kembali kepada cara hidup Islam yang merangkumi aspek akidah, syariat dan akhlak adalah cara terbaik bagi menangani setiap masalah yang dihadapi oleh masyarakat. Al-Quran dan as-Sunnah diturunkan sebagai panduan lengkap hidup manusia untuk memandu ke arah kejayaan dan kecemerlangan hidup. Masyarakat yang berpegang teguh kepada dua asas pegangan umat Islam ini tidak akan hanyut walaupun ditelan arus pemodenan yang terus berkembang. Malah masyarakat akan menjadi lebih matang serta dapat menyiapkan diri untuk menghadapi segala kemungkinan yang berlaku dengan berbekalkan iman di dada.

Oleh itu, penyelidik merasakan bahawa kajian ini perlu dilakukan untuk melihat persepsi pelajar Universiti Teknologi Malaysia terhadap konsep Islam Hadhari yang telah diperkenalkan oleh pihak kerajaan. Kajian ini akan memperlihatkan sejauh mana konsep Islam Hadhari ini difahami serta diterima oleh pelajar Universiti Teknologi Malaysia.

Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan adalah untuk melihat persepsi pelajar UTM terhadap konsep Islam Hadhari. Objektif utama kajian ini dijalankan adalah untuk :

- i. Mengkaji persepsi pelajar terhadap pengetahuan tentang konsep Islam Hadhari
- ii. Mengkaji persepsi pelajar terhadap kefahaman tentang konsep Islam Hadhari
- iii. Mengkaji persepsi pelajar terhadap penerimaan tentang konsep Islam Hadhari

Kepentingan Kajian

Di harapkan daripada hasil kajian ini dapat membantu pihak-pihak yang tertentu bagi melihat sejauhmana kefahaman, pengetahuan dan penerimaan responden terhadap konsep Islam Hadhari yang diperkenalkan ini. Hasil kajian ini akan dapat menjadi panduan kepada penyelidik dan juga kepada pihak-pihak tertentu yang dibahagikan kepada empat sasaran utama.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

Melalui kajian yang dijalankan diharapkan juga hasil kajian ini boleh dijadikan rujukan oleh pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sebagai badan kerajaan yang bertanggungjawab menguar-uarkan serta memberi kefahaman tentang konsep Islam Hadhari kepada rakyat di negara ini. Pihak JAKIM juga boleh menggunakan hasil dapatan daripada kajian ini untuk penambah baikkan ke atas segala program atau aktiviti yang dijalankan untuk memberi pemahaman kepada masyarakat.

Jabatan Agama Islam Johor

Kajian ini juga boleh dimanfaatkan juga oleh Jabatan Agama Islam Johor (JAIJ) dalam meneruskan usaha kerajaan dalam memberi kefahaman dan pengetahuan tentang konsep Islam Hadhari ini terutamanya kepada rakyat di negeri Johor.

Universiti Teknologi Malaysia

Universiti Teknologi Malaysia juga boleh menjadikan kajian ini sebagai garis panduan dalam mendapatkan maklumat tentang kefahaman Islam Hadhari terutamanya kepada warga Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.

Pelajar-pelajar Ijazah Sarjana Muda Sains serta Pendidikan (Pengajian Islam)

Pelajar-pelajar Ijazah Sarjana Muda Sains serta Pendidikan (Pengajian Islam) ini adalah bakal-bakal guru yang akan mendidik anak bangsa pada masa akan datang. Oleh itu, pengetahuan dan pemahaman yang jelas terhadap konsep ini perlu ada supaya dapat diterapkan di dalam perkhidmatan mereka.

Skop Kajian

- i. Pelajar Ijazah Sarjana Muda Sains serta Pendidikan (Pengajian Islam) yang mengikuti program perdana seramai 135 orang responden.
- ii. Masa kajian bermula pada Julai 2007 hingga Mei 2008

Metodologi

Populasi Kajian

Populasi kajian ini terdiri daripada pelajar-pelajar perdana Sains Serta Pendidikan (Pengajian Islam), UTM, Skudai. Jumlah keseluruhan populasi adalah seramai 180 orang pelajar. Jadual 1 di bawah menunjukkan jumlah pelajar perdana bagi kursus Sains Serta Pendidikan (Pengajian Islam), UTM, Skudai yang mewakili populasi kajian ini :

Jadual 1: Jumlah pelajar perdana Sains Serta Pendidikan (Pengajian Islam), UTM, Skudai

| Bil | Tahun Kursus | Jumlah | |
|---------------------------|---------------------|---------------|------------------|
| | | Lelaki | Perempuan |
| 1 | Satu | 8 | 40 |
| 2 | Dua | 21 | 16 |
| 3 | Tiga | 10 | 40 |
| 4 | Empat | 8 | 37 |
| Jumlah keseluruhan | | 180 | |

Berdasarkan jadual 1 di atas, terdapat seramai 180 orang pelajar perdana kursus Sains serta Pendidikan (Pengajian Islam) di UTM, Skudai. Mereka terdiri daripada 48 orang pelajar tahun 1, 37 orang pelajar tahun 2, 50 orang pelajar tahun 3, dan 45 orang pelajar tahun 4. Pemilihan populasi ini adalah kerana ia memudahkan penyelidik untuk mendapatkan kembali soal selidik yang telah diedarkan serta menjimatkan masa, kos dan tenaga penyelidik.

Sampel Kajian

Jumlah keseluruhan populasi kajian ini adalah seramai 180 orang. Penyelidik telah memilih sampel seramai 135 orang bagi memastikan jumlah sampel tersebut mewakili jumlah populasi yang sebenar. Menurut Sidek Mohd Noah (2002), saiz sampel yang besar akan memastikan keesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi untuk hasil soal selidik yang diedarkan.

Pengkaji menggunakan persampelan rawak berlapis daripada jumlah populasi. Ini bertujuan untuk mendapatkan bilangan sampel yang dipilih berkadaran dengan jumlah ahli dalam setiap kumpulan populasi. Jadual 2 menunjukkan jumlah sampel yang diperlukan mengikut tahun pengajian responden.

Jadual 2: Jumlah sampel mengikut tahun pengajian responden

| Tahun | Peratus (%) | Sampel | Populasi |
|--------------|--------------------|---------------|-----------------|
| Satu | 26.6 | 28 | 48 |
| Dua | 20.8 | 33 | 37 |
| Tiga | 27.5 | 39 | 50 |
| Empat | 25 | 35 | 45 |
| Jumlah | 100 % | 135 | 180 |

Pengkaji juga menggunakan sampel rawak mudah untuk memilih sampel. Ini bermakna responden mempunyai kebarangkalian yang sama untuk menjawab soal selidik yang diedarkan.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian merupakan alat yang digunakan untuk mendapatkan data dari sampel. Dalam kajian yang dijalankan ini, instrumen yang digunakan adalah dalam bentuk soal selidik. Penyelidik menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian adalah kerana ianya dapat menjimatkan kos, masa dan tenaga penyelidik bagi mengumpulkan data. Menurut Mohamad Najib Abdul Ghafar (2006), soal selidik mudah ditadbir setelah ia dibina dengan baik dan data yang diperolehi mudah untuk diproses.

Selain itu, soal selidik ini mengandungi soalan yang sama kepada semua responden. Oleh yang demikian, melalui soal selidik ini dapat menghasilkan keputusan yang tepat di samping jumlah responden yang ramai. Responden juga diberi kebebasan untuk menjawab soal selidik dengan jujur kerana segala maklumat akan dirahsiakan.

Soal Selidik

Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah soal selidik. Satu set soal selidik akan diedarkan kepada responden yang mengandungi soalan-soalan yang berkaitan dengan persoalan kajian yang di kemukakan. Soal selidik ini dibina oleh penyelidik sendiri dan ada juga yang diambil daripada penyelidik lain. Soal selidik yang dibina dibahagikan kepada dua bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B.

Bahagian A

Dalam bahagian ini, penyelidik mengemukakan soalan berkaitan dengan latar belakang responden. Antara soalan yang dikemukakan dalam bahagian ini adalah jantina, umur, tahun pengajian, maklumat kemungkinan menghadiri seminar Islam Hadhari di kampus UTM dan bilangannya.

Bahagian B

Pada bahagian B soal selidik, penyelidik menggunakan skala Likert. Skala Likert adalah skala pengukuran jenis ordinal dan mempunyai susunan tertentu seperti sangat setuju, setuju, kurang setuju, tidak setuju dan sangat tidak setuju (Sidek Mohd Noah: 2002). Responden dikehendaki memilih dan menandakan jawapan mereka tentang pernyataan yang diberi berdasarkan satu skala yang telah ditetapkan. Di dalam bahagian ini juga, responden hanya perlu menandakan satu jawapan sahaja.

Kajian Rintis

Sebelum kajian sebenar dijalankan ke atas sampel, penyelidik terlebih dahulu membuat kajian rintis. Kajian rintis ini telah dijalankan ke atas beberapa orang pelajar SPI kerana sampel mempunyai ciri-ciri yang sama dengan sampel yang sebenar. Tujuan kajian rintis ini dilakukan adalah untuk menentukan keesahan dan kebolehpercayaan instrumen yang dibina. Seramai 10 pelajar telah dipilih sebagai responden untuk menjawab soal selidik yang telah dibina. Penyelidik memilih sampel kajian rintis ini secara rawak mudah.

Setelah selesai menjalankan kajian rintis, penyelidik melakukan analisis terhadap data untuk mendapatkan nilai alpha bagi item yang dibina. Nilai kebolehpercayaan bagi soal selidik ini adalah $\alpha = 0.862$. Menurut Mohammad Najib Abdul Ghafar (1999), sekiranya nilai kofisien adalah tinggi iaitu 0.8 ke atas, maka kebolehpercayaan bagi soal selidik tersebut adalah tinggi. Ini bermakna kebolehpercayaan bagi instrumen ini adalah tinggi dan boleh digunakan dalam kajian yang sebenar.

Keputusan

Pengetahuan Pelajar UTM terhadap konsep Islam Hadhari

Jadual 3: Taburan kekerapan, peratusan responden dan min bagi pengetahuan pelajar UTM terhadap konsep Islam Hadhari

| No. Item | Item | Positif | | Kurang setuju | | Negatif | | Min |
|----------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------|------|---------------|------|---------|------|------|
| | | K | % | K | % | K | % | |
| 1. | Saya mempunyai pengetahuan yang baik tentang konsep Islam Hadhari | 61 | 45.2 | 54 | 40 | 20 | 14.8 | 3.34 |
| 2. | Konsep Islam Hadhari telah diperkenalkan pada tahun 2004 | 113 | 83.7 | 15 | 11.1 | 7 | 5.19 | 3.93 |
| 3. | Konsep Islam Hadhari mengandungi 10 prinsip utama | 131 | 97.0 | 0 | 0.0 | 4 | 2.3 | 4.43 |
| 4. | Saya mengetahui tentang konsep Islam Hadhari melalui media cetak dan elektronik | 123 | 91.1 | 7 | 5.19 | 5 | 3.70 | 4.16 |
| 5. | Saya mengetahui tentang konsep Islam Hadhari melalui internet/ict | 92 | 68.1 | 31 | 23 | 12 | 8.89 | 3.71 |
| 6. | Saya mengetahui tentang konsep Islam Hadhari setelah menghadiri taklimat/ceramah/seminar | 58 | 43 | 48 | 35.5 | 29 | 21.5 | 3.22 |
| 7. | Mudah bagi saya mendapatkan maklumat tentang konsep Islam Hadhari | 104 | 77 | 23 | 17 | 8 | 6 | 3.87 |
| 8. | Visi Islam Hadhari adalah untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara Islam contoh iaitu sebuah negara maju mengikut acuan sendiri | 101 | 74.8 | 20 | 14.8 | 14 | 10.4 | 3.78 |
| 9. | Misi Islam Hadhari ialah untuk melaksanakan pembangunan negara dan ummah berlandaskan pendekatan Islam yang universal, maju dan bertamadun | 108 | 80 | 14 | 10.4 | 13 | 9.6 | 3.89 |
| 10. | Objektif Islam Hadhari adalah bagi melahirkan individu dan masyarakat Islam yang mempunyai kekuatan spiritual (rohani), akhlak, intelektual dan material | 105 | 77.8 | 15 | 11.1 | 15 | 11.1 | 3.81 |
| 11. | Konsep Islam Hadhari adalah suatu ajaran baru | 58 | 43 | 37 | 27.4 | 40 | 29.6 | 2.90 |
| 12. | JAKIM adalah agensi kerajaan yang bertanggungjawab | | | | | | | |

| | | | | | | | |
|--------------------------------------------------------------------|----|------|----|----|----|-----|------|
| memberikan maklumat kepada masyarakat tentang konsep Islam Hadhari | 93 | 68.9 | 31 | 23 | 11 | 8.1 | 3.75 |
| Purata Min Keseluruhan | | | | | | | 3.73 |

$n = 135$

Jadual 3 di atas menunjukkan bahawa analisis keseluruhan hasil skor min bagi menjawab persoalan tentang pengetahuan pelajar UTM terhadap konsep Islam Hadhari. Berdasarkan jadual di atas, dapatan kajian menunjukkan bahawa responden secara keseluruhannya mempunyai persepsi yang positif terhadap konsep Islam Hadhari dengan min keseluruhan 3.73.

Nilai min tertinggi adalah pada item 3 iaitu 4.43. Nilai kekerapannya adalah sebanyak 67 orang responden setuju serta 64 orang menyatakan sangat setuju dengan item ini iaitu bersamaan dengan (97%). Hanya (3%) daripada jumlah responden kurang setuju dan sangat tidak setuju dengan item ini. Ini bermakna responden menyokong pernyataan item 3 tersebut.

Selain itu, responden memberikan responden yang baik untuk item 2, 4, 5, 7, 8, 9, 10, 11 dan 12 melalui min masing-masing iaitu antara 2.90 hingga 4.16. Sementara itu, responden menunjukkan kurang menyokong pada item 1 dan 6 dengan nilai min 3.34 dan 3.22.

Pada objektif yang pertama ini min keseluruhan adalah 3.73. Dapatan ini menunjukkan bahawa responden masih mempunyai pengetahuan yang baik terhadap konsep Islam Hadhari. Ini bermakna daripada objektif kajian yang pertama didapati bahawa responden mempunyai persepsi yang positif terhadap konsep Islam Hadhari.

Perbincangan

Maklumat Latar Belakang Responden

Perbincangan mengenai latar belakang responden yang pertama adalah tentang jantina responden. Berdasarkan dapatan kajian yang diperolehi melalui analisis yang dibuat, taburan responden yang paling ramai adalah pelajar perempuan iaitu sebanyak 82.2%. Sementara taburan bagi responden lelaki yang terlibat adalah sebanyak 17.8%. Ini disebabkan oleh pelajar perempuan yang mengikuti Ijazah Sarjana Muda Sains serta Pendidikan (Pengajian Islam) adalah lebih ramai berbanding dengan pelajar lelaki.

Analisis yang seterusnya adalah berkaitan dengan umur responden. Analisis menunjukkan bahawa majoriti responden adalah berumur antara 22 hingga 25 tahun iaitu sebanyak 60%. Pelajar yang berumur 18 hingga 21 tahun pula adalah sebanyak 31.9% serta yang berumur antara 26 hingga 29 tahun hanya 7.4%. Sementara itu, hanya seorang daripada responden yang berumur melebihi 30 tahun. Ini menunjukkan bahawa majoriti pelajar berada dalam golongan belia yang akan menjadi pemimpin di masa akan datang. Menurut Mohd. Ismail Mustari (2007), golongan ini mempunyai kekuatan fizikal, ketajaman fikiran, kemampuan dan kesanggupan mencuba. Justeru itu, dalam masyarakat, golongan muda diiktiraf berkemampuan memainkan peranan untuk mempengaruhi suasana dan budaya hidup sesebuah negara.

Selain itu, pengkaji juga membuat analisis terhadap tahun pengajian responden. Ini adalah bertujuan untuk mendapatkan hasil kajian secara menyeluruh daripada semua pelajar mengikut tahun pengajian masing-masing. Hasil dapatan mendapati bahawa pelajar yang berada di tahun 3 mencatatkan peratus yang paling tinggi iaitu 28.9%. Pelajar tahun 4 sebanyak 25.9%, pelajar tahun 2 sebanyak 24.4% serta pelajar tahun 1 sebanyak 20.7%. Ini adalah disebabkan jumlah populasi pelajar tahun 3 adalah yang paling ramai daripada jumlah keseluruhan populasi pelajar tahun 1, 2 dan 4.

Analisis berikutnya adalah berkaitan tentang jumlah responden yang pernah mengikuti seminar Islam Hadhari yang telah diadakan di kampus UTM. Analisis mendapati bahawa 87.7% daripada jumlah responden menyatakan mereka tidak pernah mengikuti sebarang seminar Islam Hadhari yang diadakan di kampus UTM. Sementara itu, 35.6% daripada jumlah responden pula menyatakan mereka pernah mengikuti seminar Islam Hadhari di kampus UTM. Ini mungkin disebabkan oleh mereka tidak berminat untuk menyertai seminar tersebut atau mungkin mereka tidak tahu seminar tersebut diadakan di kampus.

Seterusnya penyelidik mendapat maklumat yang lebih lanjut tentang bilangan seminar yang pernah diikuti oleh responden di UTM. 72% responden pernah mengikuti sekurang-kurangnya 1 kali seminar. 26% pernah mengikuti 2 kali seminar dan hanya seorang pernah mengikuti 3 kali seminar Islam Hadhari di kampus UTM.

Persepsi pelajar terhadap pengetahuan konsep Islam Hadhari

Objektif pertama kajian adalah untuk melihat pengetahuan pelajar UTM terhadap konsep Islam Hadhari. Secara keseluruhannya, responden mempunyai persepsi yang positif terhadap konsep Islam Hadhari yang diperkenalkan oleh pihak kerajaan. Kenyataan ini berdasarkan kepada jadual 4.18 di dalam bab IV yang menunjukkan purata min keseluruhan bagi objektif pertama ialah 3.73. Ini jelas membuktikan bahawa objektif pertama kajian mendapat respon yang positif daripada responden.

Dengan nilai min yang paling tinggi majoriti responden bersetuju dengan pernyataan bahawa konsep Islam Hadhari mempunyai 10 prinsip utama dengan peratusan sebanyak 97%. Di dalam buku edaran JAKIM "Islam Hadhari Suatu Penjelasan" telah menyenaraikan 10 prinsip Islam Hadhari iaitu keimanan dan ketaqwaan kepada Allah, kerajaan adil dan beramanah, rakyat berjiwa merdeka, penguasaan ilmu pengetahuan, pembangunan ekonomi seimbang dan komprehensif, kehidupan berkualiti, pembelaan budaya dan moral, pemuliharaan alam semulajadi serta kekuatan pertahanan.

Namun begitu, dengan nilai min yang paling rendah iaitu 2.90, sebanyak 43% responden yang bersetuju menyatakan bahawa konsep Islam Hadhari adalah suatu ajaran baru. Ini menunjukkan bahawa masih kedapatan hampir separuh daripada jumlah responden yang tidak dapat memahami tentang pelaksanaan konsep Islam Hadhari dengan baik. Ini adalah bertentangan dengan pendapat Mohd Najib Tun Abd Razak (2006), iaitu beliau menjelaskan bahawa konsep ini bukanlah ajaran baru tetapi suatu pendekatan baru. Intipati ajaran Islam adalah daripada Allah S.W.T dan disampaikan oleh Rasulullah s.a.w serta tidak akan diubah. Namun, konsep dan pendekatan kefahaman terhadap Islam itulah yang memerlukan pengolahan yang bersifat semasa yang sesuai dengan peredaran zaman.

Berdasarkan analisis yang telah dibuat, kajian mendapati bahawa sebanyak 45.2% responden bersetuju bahawa mereka mempunyai pengetahuan yang baik tentang konsep Islam Hadhari. Ini menunjukkan bahawa setelah empat tahun diperkenalkan konsep Islam Hadhari hanya 61 orang responden yang mempunyai pengetahuan yang baik terhadap konsep ini. Ini berlawanan dengan hasrat pihak kerajaan supaya konsep ini difahami oleh masyarakat lebih-lebih lagi responden adalah bakal-bakal guru yang akan memberi didikan kepada generasi akan datang.

Penyataan bahawa konsep Islam Hadhari diperkenalkan pada tahun 2004 menunjukkan bahawa 83.7% responden bersetuju dengan pernyataan ini. Pernyataan ini adalah bertepatan dengan pernyataan Mustafa Abdul Rahman (2005), konsep Islam Hadhari telah diperkenalkan oleh YAB Perdana Menteri pada 23 September 2004. Nampaknya, walaupun ia telah diperkenalkan hampir empat tahun, namun tidak semua responden mengetahui konsep ini diperkenalkan pada tahun 2004.

Selain itu, majoriti responden bersetuju dengan pernyataan bahawa responden dapat mengetahui konsep Islam Hadhari melalui media cetak dan elektronik dengan peratusan sebanyak 91.1% iaitu. Responden

mendapatkan maklumat tentang konsep ini melalui televisyen dan radio serta bahan cetak seperti majalah, buku ataupun kertas kerja.

Penyataan di atas disokong pula pernyataan bahawa responden dapat mengetahui melalui internet ataupun ICT sebanyak 68.1%. Ini bermakna responden pernah melawat laman web JAKIM ataupun membuka laman-laman web yang lain yang ada menjelaskan tentang konsep ini..

Namun begitu, responden kurang bersetuju dengan pernyataan bahawa mereka mengetahui konsep Islam Hadhari ini melalui taklimat, ceramah ataupun seminar iaitu hanya sebanyak 43%. Ini disebabkan oleh kebanyakan responden tidak pernah mengikuti seminar Islam Hadhari seperti dapatan kajian yang menunjukkan bahawa majoriti responden tidak pernah mengikuti seminar yang telah diadakan.

Bagi pernyataan seterusnya pula, sebanyak 68.9% responden setuju bahawa JAKIM adalah agensi kerajaan yang bertanggungjawab memberikan maklumat kepada masyarakat tentang konsep Islam Hadhari. Ini mungkin disebabkan oleh JAKIM telah berusaha memberi maklumat kepada masyarakat melalui aktivitiaktiviti yang telah diatitkan oleh mereka seperti di media massa, penerbitan buku dan seminar-seminar.

Persepsi pelajar terhadap kefahaman konsep Islam Hadhari

Objektif kedua kajian adalah untuk melihat kefahaman pelajar UTM terhadap konsep Islam Hadhari. Secara keseluruhannya, tahap kefahaman responden adalah kurang baik terhadap konsep Islam Hadhari yang diperkenalkan oleh pihak kerajaan. Kenyataan ini berdasarkan kepada jadual 4.29 di dalam bab IV yang menunjukkan purata min keseluruhan bagi objektif kedua adalah 3.31. Ini jelas membuktikan bahawa objektif kedua kajian mendapat respon yang negatif daripada responden.

Berdasarkan analisis yang telah dibuat, kajian mendapati bahawa hanya 43.7% responden bersetuju bahawa mereka mempunyai kefahaman yang baik tentang konsep Islam Hadhari. Ini menunjukkan bahawa hanya sebahagian daripada responden yang bersetuju dengan pernyataan ini. Dapatan ini adalah selari dengan dapatan Institut Kajian Strategik (2008), iaitu golongan muda secara umumnya didapati tidak memahami konsep Islam Hadhari ini melalui dapatan kajian yang telah dijalankan oleh mereka.

Dengan nilai min yang paling tinggi, pernyataan bahawa konsep Islam Hadhari mengajak umat Islam untuk bersatu padu mendapat persetujuan yang tertinggi iaitu dengan peratusan sebanyak 68.1% responden. Ini adalah disebabkan oleh konsep ini adalah untuk kepentingan seluruh masyarakat di Malaysia tanpamengira agama. Ini disokong oleh Muhamad Iqbal Abideen (2006), dalam pemerintahan Islam yang penting adalah keadilan terhadap rakyatnya tanpa mengira kaum, bangsa dan agama. Ini ditambah pula dengan pendapat Nakhaie Haji Ahmad (2005), iaitu matlamat utama politik Islam di dalam rangka menegakkan makruf ialah mengajak umat Islam supaya bersatu dan bersaudara bukannya mewujudkan ketegangan di dalam masyarakat dengan hasutan yang negatif.

Namun begitu, pernyataan konsep Islam Hadhari telah menjadikan Malaysia sebuah negara Islam hanya dipersetujui oleh 34.1% responden sahaja iaitu dengan nilai min terendah sebanyak 3.13. Ini menunjukkan bahawa responden berpendapat konsep Islam Hadhari bukan syarat menjadikan Malaysia sebuah negara Islam. Pernyataan ini disokong oleh Abdul Hadi Awang (2005), iaitu syarat untuk menjadi negara Islam adalah negara tersebut mestilah mendaulkan Islam dengan menjadikan al-Quran dan al-Hadis sebagai kuasa undang-undang mengatasi segala yang lain.

Seterusnya, dapatan kajian mendapati 62.3% daripada responden bersetuju bahawa konsep Islam Hadhari adalah pendekatan pembangunan ummah berteraskan prinsip ketamadunan. Pernyataan ini disokong oleh Rosni Samah, Nurdiana Azizan dan Zainur Rijal Abdul Razak (2006), yang menyatakan bahawa konsep

ini adalah satu gagasan ke arah memartabatkan Islam dan untuk mengembalikan kegemilangan Islam seperti yang tercatat di dalam sejarah Islam. Kehebatan Islam pada masa kini perlu dikembalikan supaya Islam tidak lagi menjadi toman sebagai penganas oleh masyarakat dunia.

Persepsi pelajar terhadap penerimaan konsep Islam Hadhari

Objektif ketiga kajian adalah untuk melihat penerimaan pelajar UTM terhadap konsep Islam Hadhari. Secara keseluruhannya, tahap penerimaan responden berada di tahap yang kurang baik terhadap konsep Islam Hadhari yang diperkenalkan oleh pihak kerajaan. Kenyataan ini berdasarkan kepada jadual 4.40 di dalam bab IV yang menunjukkan purata keseluruhan bagi objektif ketiga ialah 3.42. Ini jelas membuktikan bahawa objektif ketiga kajian mendapat respon yang negatif daripada responden.

Berdasarkan analisis yang telah dibuat, kajian mendapati bahawa hanya 34.7% responden bersetuju bahawa mereka menerima konsep Islam Hadhari dengan baik. Ini menunjukkan bahawa hanya sebahagian kecil daripada responden yang memahami serta menerima konsep ini dilaksanakan di negara ini.

Dengan nilai min yang paling tinggi, sebanyak 88.1% responden bersetuju bahawa konsep Islam Hadhari perlu dikemaskini semula. Menurut pendapat Abd. Manaf Ahmad (2005), cara pelaksanaan konsep ini perlulah berlandaskan kepada al-Quran dan kepercayaan agama lain yang tidak bercanggah dengan Islam yang bersifat universal ini. Menurut beliau lagi, konsep Islam Hadhari ini mestilah menyediakan pelan bertindak yang sistematik dan dapat dijalankan dengan tersusun supaya tasawwur yang baik tentang Islam itu tidak hanya menjadi satu pengucapan kosong yang tidak berisi atau retorik semata-mata.

Selain itu, nilai min terendah dapat dilihat daripada pernyataan bahawa konsep Islam Hadhari mampu mengubah masyarakat kepada mengamalkan cara hidup Islam yang sebenar. Sebanyak 33.4% responden yang tidak bersetuju dengan pernyataan ini. Ini menunjukkan bahawa masyarakat masih lagi tidak dapat melihat perubahan masyarakat yang positif melalui konsep ini seperti masalah gejala sosial yang berlaku di dalam masyarakat hari ini.

Sementara itu, 59.3% setuju dengan pernyataan bahawa konsep Islam Hadhari sesuai kepada orang Islam dan bukan Islam. Ini disokong oleh Mohd Ridhuan Tee Abdullah (2008), iaitu 10 prinsip Islam Hadhari bukanlah suatu perkara yang baru kerana nilai tersebut juga ada dalam prinsip umum agama lain. Oleh itu, hanya penerangan yang perlu dibuat dalam memberi kefahaman kepada mereka bahawa apa yang ingin dilaksanakan adalah nilai-nilai yang dikongsi bersama, bukan hanya terhad kepada orang Islam sahaja.

Pernyataan bahawa konsep Islam Hadhari diperkenalkan oleh pihak kerajaan sebagai slogan dan manifestasi pilihanraya pada tahun 2004 semata-mata dipersetujui oleh responden iaitu dengan peratusan sebanyak 62.6%. Ini dipersetujui oleh Institut Kajian Strategik (2008), iaitu melalui kajian yang telah dijalankan menunjukkan bahawa responden bersetuju konsep Islam Hadhari ini hanyalah retorik politik semata-mata.

Selain itu, 80% responden menyatakan bersetuju dengan istilah "Hadharah Islamiyyah" bukannya "Islam Hadhari". Ini mungkin disebabkan oleh responden mempelajari bahasa arab termasuklah dari segi nahu, balaghah dan sebagainya. Pernyataan ini disokong oleh Abdul Hadi Awang (2005), yang menyatakan bahawa Islam itu lebih mulia, agung, besar dan menyeluruh daripada kalimah Hadharah. Maka adalah tidak sesuai untuk menisbahkan Islam kepada Hadharah sedangkan Hadharah adalah salah satu juzuk daripada Islam. Menurut beliau lagi, Hadharah Islamiyyah adalah lebih tepat daripada Islam Hadhari kerana Islam tidak perlu menumpang kepada aspek lain kerana yang lain itu yang perlu dibina di atas jalan Islam dan dinisbahkan kepada Islam itu sendiri.

Rumusan

Rumusan persepsi pelajar terhadap pengetahuan konsep Islam Hadhari

Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa responden secara keseluruhannya mempunyai persepsi yang positif terhadap pengetahuan mereka tentang konsep Islam Hadhari ini.

Berdasarkan hasil dapatan menunjukkan bahawa responden mempunyai pengetahuan yang agak baik tentang konsep Islam Hadhari. Ini terbukti daripada hasil dapatan kajian yang menunjukkan peratusan yang agak tinggi bagi setiap pernyataan.

Majoriti responden bersetuju bahawa konsep Islam Hadhari ini mempunyai 10 prinsip utama dan mereka juga bersetuju bahawa mereka mendapat maklumat tentang konsep ini melalui media cetak dan media elektronik.

Namun begitu, majoriti responden juga masih keliru dengan konsep ini dengan menyatakan bahawa konsep Islam Hadhari adalah suatu ajaran baru. Mereka juga kurang bersetuju bahawa mereka mengetahui tentang konsep Islam Hadhari setelah menghadiri taklimat, ceramah ataupun seminar.

Pada objektif yang pertama, dapatan ini menunjukkan bahawa responden masih mempunyai pengetahuan yang baik terhadap konsep Islam Hadhari. Ini bermakna daripada objektif kajian yang pertama didapati bahawa responden mempunyai persepsi yang positif terhadap konsep Islam Hadhari.

Rumusan persepsi pelajar terhadap kefahaman konsep Islam Hadhari

Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa responden secara keseluruhannya mempunyai persepsi yang negatif terhadap kefahaman mereka tentang konsep Islam Hadhari ini.

Berdasarkan hasil dapatan menunjukkan bahawa responden mempunyai kefahaman yang kurang baik tentang konsep Islam Hadhari. Ini terbukti daripada hasil dapatan kajian yang menunjukkan peratusan yang agak rendah bagi setiap pernyataan.

Majoriti responden bersetuju bahawa konsep Islam Hadhari ini adalah untuk mengajak umat Islam supaya bersatu padu. Kebanyakan responden juga bersetuju bahawa konsep ini adalah berdasarkan pendekatan pembangunan berteraskan prinsip ketamadunan.

Namun begitu, majoriti responden tidak bersetuju bahawa melalui konsep Islam Hadhari ini telah menjadikan Malaysia sebuah negara Islam. Selain itu, majoriti responden juga kurang bersetuju bahawa 10 prinsip Islam Hadhari adalah menepati syarak.

Pada objektif yang kedua ini, dapatan menunjukkan bahawa responden mempunyai kefahaman yang kurang baik terhadap konsep Islam Hadhari. Ini bermakna daripada objektif kajian yang kedua didapati bahawa responden mempunyai persepsi yang negatif terhadap konsep Islam Hadhari

Rumusan persepsi pelajar terhadap penerimaan konsep Islam Hadhari

Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa responden secara keseluruhannya mempunyai persepsi yang negatif terhadap penerimaan mereka tentang konsep Islam Hadhari ini.

Berdasarkan hasil dapatan menunjukkan bahawa responden tidak menerima baik tentang konsep Islam Hadhari. Ini terbukti daripada hasil dapatan kajian yang menunjukkan peratusan yang agak rendah bagi setiap pernyataan.

Majoriti responden bersetuju bahawa konsep Islam Hadhari ini perlu dikemaskini semula. Kebanyakan responden juga bersetuju jika dikatakan konsep Islam Hadhari ini adalah manifesto pilihanraya dan retorik semata-mata. Selain itu, majoriti responden juga bersetuju dengan penggunaan istilah "Hadharah Islamiyyah" bukannya "Islam Hadhari"

Namun begitu, majoriti responden bersetuju bahawa konsep Islam Hadhari ini sesuai kepada orang Islam dan bukan Islam. Kebanyakan mereka juga menyambut baik "Perkampungan Hadhari" adalah salah satu program untuk memberi kefahaman kepada masyarakat tentang konsep Islam Hadhari.

Pada objektif yang ketiga ini menunjukkan bahawa responden kurang setuju dan kurang menerima konsep Islam Hadhari ini yang diperkenalkan di Malaysia. Ini bermakna daripada objektif kajian yang ketiga didapati bahawa responden mempunyai persepsi yang negatif terhadap konsep Islam Hadhari.

Rujukan

Abdul Hadi Awang (2005). *Hadharah Islamiyyah Bukan Islam Hadhari*. Kuala Lumpur : Nurfair Street Sdn. Bhd.

Abd. Manaf Ahmad (2005). *Islam Hadhari Dalam Negara Islam*. Kuala Lumpur : Yayasan Dakwah Islam Malaysia.

Dewan Bahasa dan Pustaka (2002). *Kamus Dewan*. Edisi Ketiga. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Harun Yahya (2005). *Petanda di Langit dan Di Bumi Bagi Orang Yang Berpemikiran*. Kuala Lumpur. Saba Islamic Media Sda. Bhd.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (2005). *Konsep Islam Hadhari: Suatu Penjelasan*. Kuala Lumpur : Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Mohammad Najib Abdul Ghafar (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Johor Bahru : Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.

Mohamad Najib Abdul Ghafar (2003). *Penyelidikan Pendidikan*. Johor Bahru : Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.

Mohamad Najib Abdul Ghafar (2006). *Penyelidikan Pendidikan*. Johor Bahru : Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.

Mohd Ayop Abd Razib (t.thn). *Islam Hadhari. Di antara Tajdid dan Modenisme*. Selangor : Sarjana Media Sdn. Bhd.

Mohd. Ismail Mustari (2007). *Menjadi Belia Cemerlang*. Kuala Lumpur : PTS professional Publishing Sdn. Bhd.

Muhamad Iqbal Abideen (2006). *Islam Hadhari Releven Sepanjang Zaman*. Kuala Lumpur : Penerbitan Seribu Dinar.

Mustafa Abdul Rahman (2005). Islam Hadhari Satu Penjelasan. Kuala Lumpur : Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Nakhaie Ahmad (2004). Pembangunan Negara Islam Hadhari. Kuala Lumpur : Milenia Muslim Publication Sdn. Bhd.

Nakhaie Haji Ahmad (2005). Islam Hadhari: Isu dan Cabaran. Kuala Lumpur. Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.